

02 OCT 2001

Mahathir-Pembangkok

DR MAHATHIR TEGUR PEMBANGKANG MENGENAI ISU NEGARA ISLAM

KUALA LUMPUR, 2 Okt (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menegur pembangkang kerana keengganan mereka untuk mengakui bahawa Malaysia sememangnya sebuah negara Islam.

Disebabkan ini, katanya elemen-elemen ekstremis percaya bahawa cara bagi mencapai negara Islam adalah dengan menggunakan kekerasan.

"Itu sebab mengapa mereka membentuk kumpulan-kumpulan dengan niat untuk menggulingkan kerajaan dan menubuhkan apa yang mereka panggil negara Islam.

"Dan jika mereka cuba melakukannya di negara pelbagai kaum seperti Malaysia dengan umat Islam hanya sebanyak 60 peratus daripada bilangan penduduk, jelas akan wujud ketidakstabilan," katanya dalam program 'In Conversation' yang disiarkan TV3 malam ini.

Dr Mahathir ditanya mengenai pendedahan baru-baru ini tentang aktiviti militan di negara ini yang bermatlamat untuk menggulingkan kerajaan dan usaha pembangkang untuk menubuhkan kerajaan Islam mereka sendiri.

Katanya pembangkang tidak perlu bercakap mengenai negara Islam kerana ia sudahpun tercapai.

"Tetapi mereka cuba memperdayakan pengikut mereka sendiri untuk menyokong mereka. Tetapi rakyat bukan Islam berhati-hati dengan persepsi (pembangkang) mengenai negara Islam. Sebab itu, mereka tidak mahu mendedahkan apa yang dimaksudkan dengan sebuah negara Islam," katanya.

Menjawab satu soalan, Dr Mahathir berkata mereka yang mempelajari ajaran Islam, akan menjadi seorang yang sederhana kerana agama itu adalah sederhana dan bertolak ansur.

"Tapi sudah pasti, seperti semua agama, akan ada pelampau. Apa yang anda lihat di beberapa negara Islam, ialah pelampau ini telah dapat mempengaruhi majoriti dan orang ramai tidak mencabarnya.

"Jadi negara Islam kerap dilihat sebagai tidak rasional, pelampau dan tidak boleh membangun," katanya.

Dr Mahathir merupakan pemimpin negara Asean pertama yang muncul dalam program selama sejam yang menyaksikan beliau ditemubual oleh empat wartawan Asean.

Penerbitan itu adalah hasil gabungan antara TV3 Malaysia, iTV Thailand dan RCTI Indonesia serta ABS-CBN Filipina.

Kira-kira 300 juta penduduk di rantau ini menonton program yang memberi peluang kepada pemimpin negara Asean menyuarakan pandangan mengenai pelbagai perkara.

-- BERNAMA

MAM NZ LAT RON